

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap pencapaian skim PEKA B40 setakat ini dan rancangan seterusnya dalam usaha menambah baik lagi skim tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Skim PeKa B40 mula dilaksanakan di seluruh negara sebagai projek perintis untuk kumpulan B40 yang merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas pada 15 April 2019. Bermula 1 Januari 2020, skim ini telah diperluaskan kepada penerima BSH dan pasangannya, berumur 40 tahun dan ke atas.
2. Skim PeKa B40 menawarkan 4 manfaat iaitu manfaat pertama adalah saringan kesihatan untuk mencegah penyakit tidak berjangkit sebagai fokus utama. Tiga manfaat lain yang ditawarkan adalah Bantuan Alat Perubatan (Manfaat 2), Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser (Manfaat 3) dan Insentif Tambang Pengangkutan (Manfaat 4).
3. Sehingga 31 Mei 2020, terdapat 2,640 Klinik PeKa B40 yang terdiri daripada 1,753 klinik perubatan swasta umum dan 887 Klinik Kesihatan Kerajaan. Ianya juga melibatkan 6 syarikat makmal swasta dengan 182 cawangan kesemuanya di seluruh negara.

4. Skim PeKa B40 ini telah membawa banyak kebaikan dalam membantu menampung keperluan kesihatan untuk kumpulan B40. Setelah lebih setahun pelaksanaannya iaitu sehingga 31 Mei 2020, seramai 351,814 penerima telah melakukan saringan kesihatan iaitu Manfaat 1, manakala sebanyak 10,948 permohonan diluluskan bagi Manfaat 2, 2,270 permohonan diluluskan bagi Manfaat 3 dan 7,144 permohonan diluluskan bagi Manfaat 4.

5. Sebanyak 42.5% penerima dikesan mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit tidak berjangkit iaitu sama ada kencing manis, darah tinggi, kolesterol tinggi atau masalah kesihatan mental, yakni sama ada kebimbangan atau kemurungan.

6. Setelah lebih setahun implementasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang berusaha menambahbaik skim PeKa B40 ini termasuk langkah meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan misalnya dengan menjalankan audit perubatan bagi kes-kes yang telah disaring. KKM juga meneliti efisiensi pembelian perkhidmatan dan peralatan kesihatan dengan melakukan rundingan harga serta pembelian yang lebih kos efektif. Selain itu, KKM ingin meningkatkan skim PeKa B40 dengan pelbagai manfaat yang lain seperti penurunan kelayakan had umur dan rawatan penyakit tidak berjangkit di klinik swasta PeKa B40. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada keadaan kewangan dan ekonomi semasa negara.

Sekian, terima kasih.